

Tengkujuh bertandang

Banjir kian buruk

Lapan lagi pusat pemindahan dibuka dengan mangsa berjumlah 1,832 orang

FOTO | Mohd Shahril Badri Saali

>>Oleh Mahaizura Abd Malik
metrojb@yahoo.com

JOHOR BAHRU: Keadaan banjir di negeri ini semakin buruk apabila lapan lagi pusat pemindahan sementara dibuka di tiga daerah menjadikan jumlah semua mangsa meningkat kepada 1,832 orang.

Setakat jam 7 malam tadi, 1,832 mangsa membabitkan 477 keluarga ditempatkan di 18 pusat pemindahan sementara apabila kediaman mereka dinaiki air.

Batu Pahat masih daerah paling teruk dengan 1,629 mangsa membabitkan 430 keluarga diikuti Ledang (15 mangsa) tiga keluarga dan Kluang, 51 mangsa (13 keluarga).

Tujuh kampung terjejas ialah Kampung Sialang, Tangkak di Ledang; Kampung Sungai Linau, Simpang Renggam, Kluang; Kampung Kolam Air, Simpang Renggam, Kluang; Kampung Baru Sri Gading; Kampung Jawa Parit Sulong; Parit Kuari, Semarang dan Sungai Suloh, Senggarang masing-masing di Ba-



MOHON RESTU...calon Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia, Nor Fazidatul Norazmi, 18 (kanan) dan adiknya calon SPM, Nor Emilika bersalaman dengan ibu bapa di depan rumah mereka yang dinaiki air, semalam.

tu Pahat.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Johor berkata, lapan lagi pusat pemindahan sementara dibuka di Batu Pa-

hat, Kluang dan Ledang sejak malam kelmarin bagi menempatkan jumlah mangsa yang semakin meningkat.

“Manakala di Kluang, se-

ramai 21 mangsa (enam keluarga) di SK Sungai Linau, Simpang Renggam; 30 mangsa (tujuh keluarga) di Dewan Raya Kampung Ko-

lam Air, Simpang Renggam dan di SK Sialang, Tangkak Ledang menempatkan 15 mangsa (tiga keluarga),” katanya.

Orang ramai dinasihatkan mematuhi arahan pemindahan pihak berkuasa dan berwaspada sekiranya air menaikinya kediaman berikutan keadaan cuaca yang tidak menentu.

Sementara itu, Pegawai Daerah Batu Pahat, Ab Wahab Ridwan berkata, paras air Sungai Lenik iaitu stesen pengumpulan data Jabatan Pengairan dan Saliran Ladang Chaah mencatatkan ketinggian 6.12 meter iaitu melebihi paras bahaya enam meter.

Katanya, selain itu kawasan baru yang terjejas banjir adalah Kampung Baru Sri Gading; Kampung Sri Gading; Kampung Sungai Buloh; Kampung Jawa dan Kampung Parit Kuari.

Menurutnya, kawasan masih terjejas banjir adalah Kampung Parit Gantung; Parit Lapis Laman; Parit Sentang Batu; Parit Othman serta Kampung Sengkuang.